



7 muka baharu Ahli Majlis MPKu



Abdul Rahman (tengah) bersama Ahli Majlis MPKu selepas majlis angkat sumpah, semalam.

KULAI - Seramai 23 Ahli Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), di sini, mendapat mandat dan kepercayaan daripada kerajaan negeri untuk memegang jawatan berkenaan.

Mereka mengangkat sumpah dan melafazkan ikrar bagi tempoh perkhidmatan bermula 1 Februari lalu hingga 31 Disember 2017 di hadapan Yang Dipertua MPKu, Abdul Rahman Salleh, semalam.

Menurut Abdul Rahman, 16 da-

ripada jumlah itu dikekalkan jawatan tersebut, manakala tujuh lagi adalah Ahli Majlis MPKu baharu.

Beliau berkata, muka baharu adalah tiga ahli Umno, dua MCA dan dua MIC, membabitkan kawasan Senai, Saleng, Bandar Putra, Bukit Batu, Sedenak, Taman Puteri serta Taman Khet Loong.

"Kami masih menunggu satu lagi ahli majlis untuk mengangkat sumpah bagi memegang amanah itu untuk

Ulu Choh, berikutan persempadanan semula kawasan. Kami harap perkerja ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

"Saya yakin dan percaya barisan dilantik ini dapat beri perkhidmatan terbaik untuk mendengar masalah penduduk setempat dan memperjuangkan mereka meskipun bayaran diterima tidak seberapa," katanya kepada media selepas majlis angkat sumpah berkenaan di MPKu, di sini.